



## TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 451/99

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (PENGURUSAN REFRIGERAN) 1999

*Mengandungi pindaan terkini - P.U. (A) 395/2004*

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

28 Oktober 1999

Tarikh mula berkuatkuasa :

1 Januari 2000

---

### SUSUNAN PERATURAN

---

#### [Mukadimah](#)

- Peraturan 1. [Nama dan permulaan kuat kuasa](#)
- Peraturan 2. [Tafsiran](#)
- Peraturan 3. [Pemakaian](#)
- Peraturan 4. [Larangan ke atas penggunaan benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling](#)
- Peraturan 5. [Pengendalian benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling](#)
- Peraturan 6. [Kesalahan melepaskan benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling](#)
- Peraturan 7. [Larangan membawa benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling keluar dari Malaysia](#)
- Peraturan 8. [Alternatif](#)
- Peraturan 9. [Program latihan bagi aktiviti pasang semula](#)
- Peraturan 10. [Kepakaran teknikal](#)

#### [JADUAL](#)

## SENARAI PINDAAN

## **Mukadimah**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], Menteri, selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

### **Peraturan 1. Nama dan permulaan kuat kuasa**

Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2000.

### **Peraturan 2. Tafsiran**

Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling" ertinya apa-apa benda yang dinyatakan dalam Jadual, sama ada wujud bersendirian atau dalam suatu campuran;

"kelulusan" ertinya diluluskan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling yang disebut dalam seksyen 3 Akta atau mana-mana pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 3(2) Akta;

"kriteria kelulusan" ertinya kriteria mengenai keupayaan benda untuk mendinginkan sistem, untuk menyejuk, atau potensinya menipiskan ozon atau potensinya memanaskan dunia dan apa-apa ciri-ciri fizikal dan kimia lain yang mustahak untuk cadangan penggunaannya;

"mengendalikan" ertinya terlibat dalam sesuatu aktiviti berhubungan dengan mana-mana kelengkapan penyejukan dan pendingin udara yang boleh menyebabkan pembebasan suatu benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling termasuk membaiki, menyenggara atau menyelaraskan kelengkapan itu;

"pasang semula" ertinya mengeluarkan sesuatu benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling daripada suatu unit dan membuat ubahsuaian supaya unit tersebut dapat diisi semula dengan salah satu benda alternatif;

"pemprosesan semula" ertinya mendapatkan kembali suatu benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling daripada suatu unit untuk dipulangkan kepada loji pengeluaran dan reformasi sebelum ianya boleh diadakan untuk penggunaan semula;

"pemuliharaan" ertinya mendapatkan kembali apa-apa benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling daripada suatu unit untuk penggunaan semula, pengitaran semula, pemprosesan semula atau pelupusan;

"pemusnahan" ertinya suatu proses di mana, bila digunakan kepada benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling, akan mengakibatkan perubahan kekal, atau penguraian kesemua atau sebahagian besar benda itu.

### **Peraturan 3. Pemakaian**

Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi seseorang yang mengendalikan sesuatu benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling di dalam sesuatu pemasangan yang sedia ada atau yang baru.

### **Peraturan 4. Larangan ke atas penggunaan benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling**

Penggunaan benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling sebagai refrigeran dalam mana-mana pemasangan baru sesuatu pendingin bangunan, sistem penyejukan, penyaman udara kenderaan atau kelengkapan penyaman udara adalah dilarang.

[Pin. P.U. (A) 395/2004]

## **Peraturan 5. Pengendalian benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling**

(1) Tiada seseorang boleh mengendalikan apa-apa benda refriferan yang membahayakan alam sekeliling melainkan dia telah mendapat latihan yang diluluskan dalam pemuliharaan dan pengitaran semula apa-apa benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling dan memiliki suatu mesin yang diluluskan bagi aktiviti itu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh, selepas berunding dengan pembuat sistem penyejukan, menyimpan suatu daftar mengenai kursus latihan yang diluluskan bagi pemuliharaan dan pengitaran semula apa-apa benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling dan mesin yang diluluskan bagi aktiviti itu.

## **Peraturan 6. Kesalahan melepaskan benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling**

Tiada seseorang boleh melepaskan apa-apa benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling ke dalam atmosfera, melainkan mendapat kelulusan bertulis, Ketua Pengarah terlebih dahulu.

## **Peraturan 7. Larangan membawa benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling keluar dari Malaysia**

(1) Tiada seseorang boleh membawa sesuatu benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling keluar dari Malaysia tanpa mendapat kelulusan bertulis Ketua Pengarah terlebih dahulu.

(2) Ketua Pengarah tidak boleh membenarkan sesuatu benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling dibawa keluar dari Malaysia melainkan dia berpuas hati bahawa benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling itu adalah dimaksudkan bagi pemusnahan atau pemuliharaan di bawah suatu proses yang tidak terdapat di Malaysia dan selepas pemusnahan atau pemulihgunaannya benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling itu atau mana-mana penghasilan produk paduan yang lain akan dibawa balik ke Malaysia. Walau bagaimanapun, Ketua Pengarah boleh mengenakan syarat tambahan jika difikirkannya patut.

## Peraturan 8. Alternatif

Ketua Pengarah boleh meluluskan sesuatu alternatif kepada sesuatu benda refrigeran yang membahayakan alam sekeliling jika dia berpuas hati bahawa alternatif itu adalah selamat dan memenuhi kehendak kriteria kelulusan.

## Peraturan 9. Program latihan bagi aktiviti pasang semula

(1) Seseorang pembuat sistem penyaman udara hendaklah mengendalikan suatu program latihan pasang semula bagi seseorang yang terlibat dalam suatu aktiviti pasang semula.

(2) Pembuat sistem penyaman udara itu hendaklah memastikan bahawa semasa program latihan, orang yang terlibat itu serba mengetahui mengenai reka bentuk sistem penyaman udara dan tujuannya.

## Peraturan 10. Kepakaran teknikal


Seseorang pembuat sistem penyaman udara hendaklah, bila dikehendaki oleh Ketua Pengarah, mengadakan kepakaran teknikal dan bantuan sokongan bagi program latihan pasang semula yang dianjurkan oleh Kerajaan.

## JADUAL

(Peraturan 2)

### BENDA REFRIGERAN MEMBAHAYAKAN ALAM SEKELILING

<i>Kumpulan</i>	<i>Formula Kimia</i>	<i>Benda</i>
1	CFCl <sub>3</sub>	Triklorofluorometana (CFC - 11)
	CF <sub>2</sub> Cl <sub>2</sub>	Diklorodifluorometana (CFC - 12)
	C <sub>2</sub> F <sub>3</sub> Cl <sub>3</sub>	Triklorotrifluoroetana (CFC - 113)



Diklorotetrafluoroetana  
(CFC - 114)



Kloropentafluoroetana  
(CFC - 115)

Dibuat 2 Jun 1999.

[KSTAS(U) 01/B/(27); PN (PU<sup>2</sup>)280/8]

DATUK LAW HIENG DING  
*Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar*

## SENARAI PINDAAN

*Undang-undang  
yang meminda*

*Tajuk ringkas*

*Berkuat kuasa  
dari*

[P.U. \(A\) 395/2004](#)

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling  
(Pengurusan Refrigeran) (Pindaan) 2004

01-12-2004

**Copyrights Reserved**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY  
LAWNET  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD